



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 24 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

14 stesen minyak diberi notis amaran

- 48 stesen minyak di sempadan dalam radar KPDN Kelantan
- Jadi tumpuan penyeludup beli petrol bersubsidi

Oleh MUHAMMAD
AYMAN GHAFFA

KOTA BHARU – Sebanyak 48 buah stesen minyak dalam radius 25 kilometer dari sempadan Malaysia-Thailand berada di dalam radar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan selepas dipercayai menjadi tumpuan penyeludup untuk mengisi petrol.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 14 stesen minyak sudah diberikan notis mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 selepas didapati, menjadi tumpuan penyeludup mengisi petrol.

+ Menurutny, siasatan mendapati, stesen minyak tersebut mempunyai rekod tangkapan penyeludup yang mengisi petrol atau diesel sejak tahun lalu.

"KPDN sudah mencadangkan penggantungan operasi terhadap 14 stesen minyak itu. Kes tersebut masih dalam siasatan dan belum ada sebarang keputusan daripada pihak atasan ber-



ANGGOTA penguat kuasa KPDN menjalankan pemeriksaan di beberapa buah stesen minyak yang disyaki menjadi tumpuan penyeludup di Rantau Panjang baru-baru ini. – IHSAN KPDN

hubung perkara tersebut.

"Lokasi tumpuan kegiatan penyeludupan yang dikenal pasti antaranya di Rantau Panjang, Pasir Mas, Tumpat dan Jeli yang merupakan kawasan yang mempunyai akses terus ke sempadan Thailand," katanya ketika ditemui Kosmo! di Pejabat KPDN Kelantan di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat, penyeludup tetap akan menyeludup RON95 meskipun kuota 300 liter yang ditetapkan kepada setiap individu habis digunakan tidak sampai sebulan.

Menurutny, harga tanpa subsidi iaitu RM2.60 seliter untuk



RON95 masih lagi murah jika dibandingkan dengan harga minyak petrol seludup yang dijual di Thailand iaitu RM3.50 hingga RM4 seliter.

"Berdasarkan risikan, tiada tanda signifikan yang menunjukkan penyeludup beralih untuk menyeludup RON97 ke Thailand. Harga semasa petrol itu yang dijual RM3.20 seliter juga tidak menguntungkan mereka.

Ujarnya, petrol seludup akan dijual pada harga sehingga RM4 seliter di Selatan Thailand.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

RON95 RM1.99 seliter kurangkan tekanan inflasi, kos sara hidup



Langkah penurunan ringan beban pengguna, bantu stabilkan harga barangan keperluan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Langkah strategik kerajaan menurunkan harga runcit petrol RON95 bersubsidi sebanyak enam sen kepada RM1.99 seliter sejak hujung September lalu terbukti menjadi antara faktor utama yang menyokong penurunan kadar inflasi negara pada Oktober 2025.

Langkah itu bukan sahaja mengurangkan beban kos sara hidup pengguna, malah membantu menstabilkan harga barangan keperluan di pasaran.

MBSB Research dalam laporan ekonomi terbaharunya menjelaskan, penurunan harga bahan api

itu telah menghadkan tekanan kenaikan kos, terutama dalam komponen berkaitan pengangkutan dan logistik, yang lazimnya menjadi pemacu utama kepada perubahan harga pengguna.

"Pengurangan harga RON95 kepada RM1.99 seliter telah menghadkan tekanan harga ke atas sektor pengangkutan dan logistik di seluruh ekonomi," katanya.

Kesan positif langkah berkenaan terserlah apabila inflasi keseluruhan negara mereda kepada 1.3 peratus pada Oktober berbanding 1.5 peratus pada September. Bacaan itu juga menandakan pembalikan trend kenaikan sejak Jun lalu dan kembali menghampiri paras terendah yang dicatatkan sejak Februari 2021.

Dalam masa sama, indeks kumpulan pengangkutan merekodkan deflasi -0.1 peratus, berbanding peningkatan 0.7 peratus pada bulan sebelumnya.

MBSB Research menjelaskan, sebahagian besar perubahan ini berkait rapat dengan kesan langsung penurunan harga petrol bersubsidi.

Katanya, pengurangan harga bahan api turut memberi kesan

menyeluruh kepada kos rantaian bekalan, sekali gus membantu mengekang kenaikan harga barangan harian.

Laporan itu menyebut bahawa kesan tekanan harga daripada dasar lain seperti peluasan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) kekal lebih sederhana kerana faktor sokongan seperti harga minyak mentah global yang lebih rendah.

Kos makanan semakin stabil

Di samping itu, inflasi bagi makanan di luar rumah juga jatuh ketara kepada 2.9 peratus, iaitu paras terendah sejak Oktober 2024, manakala inflasi makanan di rumah kekal mendatar untuk bulan kedua berturut-turut. Perkembangan ini menunjukkan kos makanan semakin stabil susulan tekanan input yang lebih rendah.

Bagaimanapun, unit penyelidikan pasaran MBSB Investment itu berkata, inflasi teras, yang tidak memasukkan elemen harga kawalan dan makanan segar meningkat sedikit kepada 2.2 peratus, mencerminkan permintaan domestik yang masih kukuh serta kesan beransur-ansur daripada beberapa

pa dasar fiskal.

la menegaskan tekanan teras itu masih dalam paras terkawal dan sebahagiannya dijangka disokong oleh ringgit yang semakin kukuh.

"Dari perspektif geografi, inflasi di kawasan bandar menurun kepada 1.4 peratus, manakala kawasan luar bandar mencatat 0.9 peratus. Trend ini selari dengan penurunan kos pengangkutan yang memberi manfaat lebih meluas kepada pengguna di seluruh negara," katanya.

Selain itu, harga makanan import juga didorong oleh perkembangan global yang positif, dengan harga makanan dunia mencatat deflasi -0.3 peratus pada Oktober, didorong oleh kejatuhan harga gula, bijirin dan ayam. Gabungan faktor ini mengurangkan tekanan kos ke atas pengeluaran serta pemborong dalam negara.

Susulan bacaan inflasi yang terus sederhana, MBSB Research mengekalkan unjuran inflasi tahunan 2025 pada 1.4 peratus, seiring jangkaan bahawa tekanan harga kekal terkawal dalam jangka masa terdekat.

"Harga RON95 yang lebih ren-

dah dan pengukuhan ringgit terus menjadi pemangkin kepada inflasi yang lebih stabil," katanya.

Namun, laporan itu turut memberi amaran berhubung risiko kenaikan harga yang mungkin timbul daripada reka bentuk subsidi bahan api baharu melalui program BUDI95, khususnya kerana pengecualian Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang perlu menanggung harga petrol tidak bersubsidi. Situasi ini berpotensi meningkatkan kos operasi perniagaan kecil.

Menurut laporan itu lagi, PMKS mungkin tidak mempunyai ruang penyerapan kos yang besar, sekali gus meningkatkan risiko pemindahan kenaikan kos operasi kepada pengguna melalui harga barang dan perkhidmatan.

Selain itu, pemulihan permintaan domestik selepas pemotongan OPR pada Julai 2025 turut menyumbang kepada peningkatan marginal inflasi teras, namun MBSB Research menegaskan bahawa keseluruhan tekanan harga kekal 'terurus' berikutan harga komoditi global yang lebih stabil dan rantaian bekalan yang semakin lancar.

Festival makanan harga setanding restoran T20

SAUDARA PENGARANG,

SEJAK akhir-akhir ini, banyak dianjurkan festival makanan di negeri dan daerah oleh pelbagai vendor sehingga tular dalam media sosial.

Persoalan yang saya ingin utarakan adalah mengenai harga makanan yang tidak masuk akal

di festival makanan tersebut berbanding di kedai-kedai biasa.

Keseronokan berkunjung ke festival makanan tidak lagi sama seperti lima tahun dahulu yang mana kita boleh membeli pelbagai jenis makanan yang jarang kita dapat makan (kerana dijual di daerah lain) pada harga yang murah.

Bayangkan kerana ramai vendor makanan yang popular di media sosial ini boleh saya anggap 'perosak' keseronokan festival makanan yang dahulunya boleh dibeli makanan dengan harga berpatutan.

Bayangkan makanan seperti kuetiau goreng sepinggan di festival makanan dijual

pada harga RM10 hingga RM12. Tidakkah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup memantau perkara ini?

Janganlah normalisasikan harga makanan di festival makanan ini seperti restoran mewah T20 apabila harga nasi khaomok boleh dijual dengan

harga RM35 sebungkus. Sangat tidak masuk akal.

Saya amat berharap perkara ini diberi perhatian oleh pihak berkuasa agar tiada vendor mengambil kesempatan meletakkan harga sesuka hati.

PEMINAT MAKANAN
Puteri Gunung Ledang



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Nov	Peniaga, Pengguna Perlu Patuhi Ketetapan Penggunaan Aplikasi eCOSS	https://malaysiaaktif.my/2025/11/peniaga-dan-pengguna-perlu-mematuhi-ketetapan-penggunaan-aplikasi-ecoss/	MALAYSIA AKTIF
24-Nov	MTL: 2,102 pemborong, peruncit dan pengilang dibenar tambah 30 peratus bekalan makanan	https://www.sinarharian.com.my/article/757525/berita/nasional/mtl-2102-pemborong-peruncit-dan-pengilang-dibenar-tambah-30-peratus-bekalan-makanan	SINAR HARIAN
24-Nov	Food supply stocks allowed to be raised up to 30%	https://www.sarawaktribune.com/food-supply-stocks-allowed-to-be-raised-up-to-30/	SARAWAK TRIBUNE
24-Nov	KPDN Benarkan 2,102 Pemborong, Peruncit, Pengilang Simpan 30 Peratus Bekalan Makanan Hadapi Monsun	https://malaysiaga-zette.com/2025/11/20/kpdn-benarkan-2102-pemborong-peruncit-pengilang-simpan-30-peratus-bekalan-makanan-hadapi-monsun/	MALAYSIA GAZETTE
24-Nov	https://www.melakahariini.my/lebih-12000-rakyat-melaka-guna-mobile-ecoss-beli-minyak-masak-peketa/	https://api.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/11/1475406/ron95-rm199-seliter-kurangkan-tekanan-inflasi-kos-sara-hidup	BERITA HARIAN